

PERATURAN LESEN HIBURAN AWAM

1. Borang Permohonan hendaklah dikemukakan ke Pejabat Daerah sekurang-kurangnya satu (1) bulan sebelum beroperasi perniagaan.
2. Permohonan yang lengkap akan dirujukan kepada Jabatan Teknikal untuk mendapatkan ulasan :-
 - i. Ketua Polis Daerah
 - ii. Pihak Berkuasa Tempatan (Setiausaha Majlis Daerah)
 - iii. Jabatan Bomba dan Penyelamat Zon 3 Perak
 - iv. Pentadbir Daerah Kecil (Jika Berkaitan)
 - v. Surahanjaya Tenaga Negeri Perak
 - vi. Bendahari Negeri Perak (Cukai Hiburan) (Jika Berkaitan)
 - vii. Bahagian Khidmat Pengurusan SUK
 - viii. Penghulu (Jika Berkaitan)
3. Dikemukakan kepada Pegawai Daerah untuk keputusan.
4. Keputusan dimaklumkan kepada pemohon.
5. Lesen Hiburan dikeluarkan kepada pemohon.

SYARAT BAGI LESEN/PERMIT HIBURAN AWAM
(TAYANGAN WAYANG GAMBAR DAN SEBAGAINYA)

1. Mengemukakan kelulusan/permit hiburan awam ke Majlis Daerah Perak Tengah, Seri Iskandar.

2. Mematuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh pihak Majlis Daerah Perak Tengah, Seri Iskandar iaitu :-
 - 2.1. Menjaga kebersihan di kawasan pertunjukan
 - 2.2. Memastikan keselamatan pengunjung
 - 2.3. Perlu mematuhi syarat-syarat dari jabatan yang lain

SYARAT-SYARAT LESEN PANGGUNG WAYANG

- 1. Dikehendaki mengemukakan permohonan bersama dengan nama/tajuk filem yang akan ditayangkan pada tiap-tiap bulan ke pejabat ini beserta bayaran secukupnya mengikut bilangan kali dan masa pertunjukan.**
- 2. Dikehendaki menghubungi Timbalan Pemungut Cukai Hiburan Negeri untuk mendapatkan kelulusan tiket pertunjukan.**
- 3. Dikehendaki menghubungi Yang Dipertua Majlis Perbandaran / Setiausaha Majlis Daerah untuk tujuan bayaran lesen premis.**
- 4. Dikehendaki menghubungi Lembaga Penapis Filem untuk mendapatkan kelulusan semua jenis filem / cakera disk yang akan ditayangkan. Filem / cakera disk yang tidak mendapat kelulusan juga filem-filem lucah adalah dilarang sama sekali untuk ditayangkan.**
- 5. Dikehendaki membayar Lesen Panggung Wayang setiap bulan mengikut bilangan kali dan masa pertunjukan.**
- 6. Masa perniagaan yang ditetapkan adalah seperti berikut:**
 - 6.1 Hari Biasa:
Jam 10.00 pagi - 12.00 malam**
 - 6.2 Hari Jumaat:
Jam 3.00 petang - 2.00 pagi**

6.3 Hari Cuti & Hujung Minggu:

Jam 10.00 pagi - 2.00 pagi

6.4 Tayangan hari Khamis hendaklah dihentikan pada jam 7.00 petang hingga 9.00 malam.

7. Lesen boleh dibatalkan pada bila-bila masa sekiranya ketenteraman awam diganggu.

8. Hanya Pelesen sahaja yang boleh menjalankannya dan Mini Cinema ini tidak boleh disewakan kepada orang lain.

9. Penonton tidak dibenarkan membawa botol-botol minuman dan alat-alat yang membahayakan ke dalam panggung wayang ini.

10. Dikehendaki mengadakan alat-alat pencegahan kebakaran yang mencukupi dan mempunyai mutu kawalan SIRIM serta diuji oleh Jabatan Bomba.

11. Pihak Berkuasa Pelesen boleh menyemak filem-filem sebelum ditayangkan kepada orang ramai.

12. Pihak Berkuasa Pelesen dan Pegawai-Pegawai Polis yang berkuasa boleh membuat pemeriksaan pada bila-bila masa pertunjukan diadakan. Sekiranya didapati filem-filem yang ditayangkan tidak sesuai untuk ditunjukkan, maka pihak pelesen adalah dianggap telah menyalahi syarat-syarat lesen.

- 13. Pihak Berkuasa Pelesen boleh membatalkan lesen bila-bila masa jika pelesen melanggar atau tidak mematuhi syarat-syarat lesen yang ditetapkan.**

- 14. Pelesen hendaklah mematuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh Ketua Polis Daerah, Bomba dan Majlis Daerah Perak Tengah.**

- 15. Dikehendaki memperbaharui Lesen Panggung Wayang sebelum tamat tempot lesen.**

**SYARAT-SYARAT KELULUSAN BAGI LESEN HIBURAN AWAM
(PUSAT BOWLING)**

- 1. Waktu perniagaan pusat hiburan tersebut adalah diantara 9.00 malam hingga 1.00 pagi dan 2.00 pagi malam minggu dan sebelum hari kelepasan.**
- 2. Pusat hiburan adalah dilarang dan tidak dibenarkan kepada:
 - 2.1. Seorang yang berumur bawah 18 tahun.**
 - 2.2. Pelajar-pelajar yang berpakaian seragam sekolah.****
- 3. Satu kenyataan mengenai had umur perlu dipamerkan dihadapan pusat hiburan.**
- 4. Pemegang lesen perlu memohon untuk mendapatkan lesen premis daripada pihak berkuasa tempatan.**
- 5. Pemegang lesen hendaklah sentiasa mempamerkan lesen hiburan awam dan lesen premis di suatu tempat yang sesuai dan mudah dilihat didalam premis berlesen tersebut.**
- 6. Pemegang lesen dikehendaki melampirkan syarat-syarat lesen hiburan.**
- 7. Pemegang lesen hendaklah sentiasa menentukan premis berlesen berada dalam keadaan bersih.**
- 8. Pemegang lesen hendaklah mengadakan alat pemadam kebakaran api dengan secukupnya dan diletakkan di tempat-tempat yang sesuai di premis berlesen.**
- 9. Pemegang lesen mestilah menentukan bahawa lampu-lampu dalam premis berlesen itu sentiasa dipasang.**
- 10. Pemegang lesen hendaklah mengadakan satu pemetik lampu (switch) khas supaya dapat disemua lampu dipasang dan menyala terang pada masa pemeriksaan mengejut oleh Pihak Berkuasa dan juga dapat digunakan pada masa ke semasa.**
- 11. Pemegang lesen hendaklah menentukan premis berlesen tersebut diadakan pintu keluar kecemasan dan berkeadaan baik dan boleh digunakan.**
- 12. Pemegang lesen hendaklah menentukan bahawa tandas berasingan untuk kegunaan lelaki dan perempuan diadakan dalam keadaan bersih.**

13. Pemegang lesen adalah dilarang mengadakan apa-apa aktiviti permainan yang mempunyai unsur-unsur perjudian.

14. Pemegang lesen adalah bertanggungjawab sepenuhnya untuk menentukan bahawa keselamatan dan ketenteraman awam sentiasa terpelihara dan terjamin sepanjang hiburan berjalan.

15. Lesen Hiburan Awam mestilah diperbaharui seminggu sebelum tamat tempoh lesen.

16. Sekiranya pemegang lesen melanggar mana-mana lesen boleh dibatalkan pada bila-bila masa oleh Pihak Berkuasa, denda maksimum seperti Enakmen Hiburan 1997. Mana-man deposit (jika ada) akan dirampas dan tiada pulangan balik bayaran lesen yang dirampas.